

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT
SULONG]**

TARIKH : 29 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN : 13

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan keberkesanan dan hasil kejayaan Program Get Malaysia Business Online (GMBO) dan apakah Kementerian bercadang untuk menyediakan semula peruntukan galakan untuk membolehkan lebih ramai lagi usahawan atas talian terutama wanita mendapat manfaat daripada program seperti ini.

JAWAPAN:

Program pemberian geran GMBO sebanyak RM1,000 kepada usahawan mikro telah dijalankan sepanjang tahun 2013, di mana peruntukan sebanyak RM50 juta telah disediakan untuk 50,000 usahawan dalam menggalakkan mereka menjalankan perniagaan secara dalam talian. Sehingga program berkenaan tamat pada 31 Disember 2013, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sebagai agensi yang menjalankan program ini telah meluluskan lebih daripada 34,000 permohonan daripada

SOALAN NO.: 13

lebih 43,000 permohonan yang diterima. Susulan daripada program GMBO, Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah melaksanakan 2 program baru berkaitan pembangunan usahawan *Online* menerusi Program E-Rezeki dan E-Usahawan bermula pada tahun 2015.

Program eRezeki menyediakan peluang kerja sambilan berbentuk digital melalui kaedah *Crowdsourcing*, bagi menjana pendapatan tambahan. Kumpulan sasar adalah ahli isirumah berpendapatan 40% terbawah atau B40. Kerja-kerja digital ini adalah disalurkan dari sumber pasaran tempatan dan antarabangsa. Teras utama program eRezeki adalah melatih dan mengupayakan golongan B40 untuk menjadi pekerja sambilan digital yang berkualiti dan berdaya saing dalam industri *Crowdsourcing*. Aktiviti-aktiviti di bawah program eRezeki adalah eRezeki Outreach, Pengambilan Pekerja Digital, Pekerja *Digital On-boarding*.

eUsahawan merupakan suatu inisiatif untuk menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan digital di kalangan usahawan muda dan usahawan mikro. Inisiatif ini disampaikan kepada golongan sasaran melalui institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), di mana ilmu keusahawanan digital telah diterapkan ke dalam kurikulum formal yang di ajar kepada pelajar TVET, iaitu bakal usahawan muda dan juga telah diadaptasikan sebagai kursus jangka pendek yang sesuai untuk usahawan mikro. Skop kurikulum merangkumi trend teknologi digital terkini termasuk *social media marketing, mobile commerce, analysis, ePayment, digital advertising* dan *cyber security*.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pencapaian Program E-Rezeki dan E-Usahawan Tahun 2015

Program eRezeki buat masa ini masih diperingkat permulaan dan pihak kerajaan sedang berusaha untuk memastikan para peserta yang mendaftar untuk program ini dilatih dan disaring dari segi kemampuan dan kelayakan. Sehingga 1 Mac 2016, sebanyak 33 Pusat dan Wakil eRezeki (10 Pusat dan 23 Wakil eRezeki pada 2015) telah beroperasi dan dalam memperluaskan perlaksanaan program eRezeki ini ke seluruh negara, sebanyak 33 lagi Wakil eRezeki disasarkan untuk beroperasi pada 2016. MDeC akan memanfaatkan infrastruktur awam ICT sedia ada seperti di kolej-kolej komuniti, UTC dan sebagainya untuk dijadikan wakil-wakil eRezeki bagi melatih golongan sasaran.

Sehingga 1 Mac 2016, 147 pusat TVET daripada 4 agensi TVET terbesar di negara iaitu Jabatan Pembangunan Politeknik, Jabatan Pembangunan Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Mara dan Kolej Tinggi Kemahiran Mara telah mengambil bahagian dalam inisiatif perintis ini melibatkan seramai kira-kira 2800 jumlah pelajar dan lebih daripada 400 pensyarah keusahawanan. Sukatan pelajaran baru ini telah mula diperkenalkan kepada semua kampus TVET yang terlibat di seluruh negara bermula pada Januari 2016. Sebanyak 3 agensi TVET lagi, iaitu Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN), Giatmara dan Kolej Professional Mara juga akan mula menerapkan kursus eUsahawan ke dalam kurikulum masing-masing. Di samping itu, bermula Januari 2016, kursus pendek eUsahawan telah mula ditawarkan kepada usahawan kecil tempatan di institusi-institusi TVET

SOALAN NO.: 13

yang terpilih di seluruh negara. Lebih daripada 200,000 usahawan muda dan usahawan mikro dijangka akan mendapat pendedahan kepada bidang keusahawanan digital menjelang tahun 2020.